

**KEPERLUAN MAKLUMAT DI KALANGAN USAHAWAN  
BUMIPUTERA INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS):  
SATU TINJAUAN DI KAWASAN SELANGOR**

**oleh**

**AHMAD SOUFIEAN BIN OTHMAN**

**Laporan yang diserahkan untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Maklumat (Kepujian)**

**MEI 1999**

## PENGHARGAAN

*Assalamualaikum...*

Syukur ke hadrat ALLAH s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga saya menyiapkan laporan projek penyelidikan ini .

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan terutamanya kepada ayah dan bonda di atas segala sokongan , pengorbanan dan semangat yang telah diberikan sepanjang 4 tahun pengajian saya di ITM.

Terlebih dahulu ingin saya menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah penasihat saya iaitu Profesor Dr. Szarina Abdullah yang telah banyak memberikan tujuk ajar dan panduan kepada saya dan rakan-rakan. Kesabaran dan ketekunan yang ditunjukkan oleh beliau telah memberikan semangat untuk menjalankan projek penyelidikan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor, MEDEC dan Dataran Usahawan Selangor yang telah banyak membantu dan memberikan kerjasama mereka dalam menyiapkan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali ucapan penghargaan kepada semua rakan seperjuangan terutama ... aida, azree, sue dan zahari yang memberikan pendapat dan membantu menjalankan penyelidikan ini.

Terima Kasih.

*Amad Soufian Othman*

## ABSTRAK

*Industri kecil dan sederhana (IKS) merupakan sebarang syarikat pembuatan yang mempunyai modal kurang daripada RM 500,000. Kebanyakan industri IKS terlibat dalam ekonomi bukan pertanian yang mengeluarkan barangan akhir. Penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti keperluan maklumat di kalangan usahawan IKS. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengetahui bidang maklumat, bentuk maklumat, sumber maklumat dan tahap kepentingan maklumat kepada usahawan IKS. Disamping itu juga kekerapan penggunaan dan pengaksesan maklumat turut dikaji. Penyelidikan ini tertumpu kepada usahawan IKS bumiputera di kawasan Selangor Darul Ehsan dengan menggunakan kaedah tinjauan secara borang soal selidik yang dihantar melalui pos kepada responden yang dipilih secara rawak mudah. Daripada 1593 jumlah populasi yang diambil daripada Direktori Usahawan Negeri Selangor 1996/97 sebanyak 110 orang usahawan telah dipilih sebagai responden penyelidikan. Setelah penganalisan data dibuat didapati bahawa maklumat data numerik dalam negara merupakan maklumat yang paling kerap digunakan manakala bentuk maklumat mendapat kekerapan penggunaan yang tertinggi adalah suratkhbar. Disamping itu usahawan banyak bergantung kepada sumber maklumat seperti media cetak dan elektronik serta internet dan rakan seperniagaan sebagai sumber maklumat utama.*

# **KANDUNGAN**

<b>Penghargaan</b>	<b>i</b>
<b>Abstrak</b>	<b>ii</b>
<b>BAB SATU</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Ciri-ciri industri kecil dan sederhana di Selangor	3
1.1.2 Definisi istilah	5
1.2 Kepentingan penyelidikan	7
1.3 Penyataan masalah	8
1.4 Objektif penyelidikan	10
1.5 Hipotesis penyelidikan	11
<b>BAB DUA</b>	
2.1 Penyelidikan berkaitan	12
<b>BAB TIGA</b>	
3.1 Kaedah penyelidikan	17
3.1.1 Tinjauan secara borang soal selidik	17
3.1.2 Populasi	17
3.1.3 Persampelan	18

3.2 Skop penyelidikan	18
3.3 Pengumpulan data	19
<b>BAB EMPAT</b>	
4.1 Tindakbalas	20
4.2 Analisis data	21
4.3 Penemuan penyelidikan	22
4.3.1 Latar belakang responden	22
4.3.1.1 Ciri-ciri responden	23
4.3.2 Sektor Perniagaan	24
4.3.3 Penggunaan dan keperluan maklumat	25
4.3.3.1 Kekerapan penggunaan maklumat	25
4.3.3.2 Bentuk maklumat yang kerap digunakan	35
4.3.3.3 Tujuan mendapatkan maklumat dan kepentinganya	37
4.3.3.4 Sumber mendapatkan maklumat	43
4.3.3.5 Penggunaan Internet	46
4.3.3.6 Kekerapan penggunaan teknologi maklumat	47
4.3.3.7 Tujuan menggunakan internet	49
4.3.3.8 Pendapat samada perkhidmatan yang diberikan oleh perpustakaan dan pusat maklumat memenuhi keperluan maklumat	52